

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 17 FEBRUARI 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 7**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1541-L28579  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa jumlah subsidi yang telah dibelanjakan untuk eCOSS sepanjang 2024. Sama ada Kementerian bersedia untuk meningkatkan kuota 60,000 tan metrik minyak masak paket bersubsidi di pasaran runcit memandangkan kerap kali ada rungutan masalah kekurangan bekalan, berikan sebab terhadap keputusan Kerajaan.
  
2. PR-1541-L28292  
**Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil oleh Malaysia sepanjang menjadi Pengerusi ASEAN bagi tahun 2025 dalam mencapai tiga strategi yang ditetapkan iaitu pengukuhan rantaian nilai serantau, pengukuhan asas negara anggota serta penyelarasan dan penyusunan semula ekonomi negara-negara ASEAN.
  
3. PR-1541-L27798  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan model pembiayaan alternatif memandangkan risiko kebergantungan tinggi kepada PFI.
  
4. PR-1541-L28582  
**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah memenuhi keperluan tenaga boleh baharu (TBB) dalam pembangunan pusat data dan adakah bekalan TBB ke pusat data akan mengganggu bekalan tenaga keseluruhan sekaligus menyebabkan kenaikan tarif elektrik di masa akan datang.

5. PR-1541-L28893

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) pencapaian Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak penubuhannya sehingga akhir tahun 2024; dan
- (b) menjelaskan fungsi IPCC, Police, Friends and Collaborators (IPFC).

6. PR-1541-L28478

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan Tanah Rizab Melayu tidak berkurangan dan adakah mekanisme untuk mengatasi isu-isu berbangkit berkaitan Tanah Rizab Melayu.

7. PR-1541-L27704

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) pelaksanaan bentuk program sokongan bagi merangsang status ekonomi kaum wanita dan keluarga yang kehilangan ketua rumah tangga; dan
- (b) statistik kumpulan berkenaan yang terdapat dalam Parlimen Kuala Kedah.

8. PR-1541-L28672

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendekatan yang digunakan oleh Kementerian dalam membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035, terutamanya untuk pembangunan modal insan serta peningkatan daya saing. Adakah pelan ini melibatkan kepelbagaian pakar dan nyatakan status terkini pembangunan pelan ini.

9. PR-1541-L28443

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang diambil susulan Malaysia Airlines yang menggantung sementara operasi pesawat baharu Airbus A330neo sekurang-kurangnya 48 jam selepas melakukan penerbangan sulung ke Melbourne pada 19 Disember 2024 lalu akibat masalah teknikal serta kebimbangan mengenai kualiti pengeluaran serta proses penghantarannya.

10. PR-1541-L29175

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mewajibkan bank-bank yang membenarkan akaun keldai dibuka dan digunakan dalam penipuan dan *bank scam* agar mambayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa penipuan dan *bank scam* berkenaan.

11. PR-1541-L28269

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :

- (a) berapa lamakah projek mengganti paip-paip usang di Labuan dapat diselesaikan; dan
- (b) berapa lama juga masalah gangguan dan penutupan bekalan air di Labuan akan berlarutan kerana keadaan tersebut menyebabkan rakyat Labuan kekurangan sumber air yang bersih.

12. PR-1541-L28473

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang akan diambil untuk menangani isu kewarganegaraan bagi anak-anak ibu yang telah lama memperjuangkan hak ini kerana pada tahun lepas RUU ini telah diluluskan. Adakah permohonan borang D yang dibekukan boleh diaktifkan semula atau SOP baru akan diperkenalkan.

13. PR-1541-L27904

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kerugian hasil cukai tahunan yang ditanggung Kerajaan sekiranya status bebas cukai Pulau Langkawi dipulihkan serta membentangkan kajian impak ekonomi yang menunjukkan peningkatan pendapatan penduduk tempatan berbanding kehilangan hasil tersebut.

14. PR-1541-L28637

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa jumlah lokasi Jualan Rahmah MADANI di Parlimen Tanjung Manis sepanjang tahun 2024. Berapa jumlah penjimatan yang telah dinikmati oleh penduduk dan apakah Jualan Rahmah MADANI ini akan diteruskan dan diperluaskan pada tahun 2025.

15. PR-1541-L27991

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan bagi meningkatkan kekerapan operasi penguatkuasaan dalam memerangi pencerobohan nelayan asing yang terus berlaku di perairan Terengganu.

16. PR-1541-L28063

**Ir. Ts. Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) perancangan dan strategi Kementerian memastikan kesediaan negara menghadapi peningkatan sebanyak 15.7% warga emas pada tahun 2030; dan
- (b) kesediaan untuk menyedia dan menggubalkan '*Filial Piety Act*' bagi mengatasi isu warga emas terabai yang rata-ratanya masih mempunyai keluarga termasuk anak-anak.

17. PR-1541-L28119

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui pada tahun-tahun mendatang. Apakah faktor-faktor utama yang diambil kira dalam perancangan tersebut.

18. PR-1541-L29147

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) jumlah keseluruhan kursus yang ditawarkan oleh semua universiti awam dan jenis-jenis kursus secara terperinci; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk menghentikan kursus-kursus yang menjadikan graduan kita sukar mendapat pekerjaan di pasaran kerja dan bidang kursus apa yang terlibat.

19. PR-1541-L28005

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah PATI yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing mengikut pecahan warganegara, umur dan jantina; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan PATI berstatus 'stateless'.

20. PR-1541-L28045

**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan cabaran utama yang dijangka dihadapi oleh Malaysia dalam melaksanakan kepengerusian ASEAN 2025, terutama dalam menangani isu-isu seperti ancaman keselamatan siber, kecerdasan buatan (AI) dan kesan perubahan iklim.

21. PR-1541-L27770

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

(a) jumlah kematian dan kes dera kanak-kanak di TASKA pada tahun 2020 sehingga 2024; dan

(b) tindakan Kementerian memastikan keselamatan kanak-kanak di TASKA terjamin.

22. PR-1541-L27970

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perincian lanjut mengenai jadual tarif elektrik baharu yang akan dilaksanakan pada Julai 2025 dan sejauh manakah penetapan tarif baharu kelak tidak membebankan pengguna terutama kategori domestik serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

23. PR-1541-L27590

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perlombongan REE (Kaedah ISL) boleh menyebabkan alam sekitar dan struktur tanah mengalami kerosakan yang teruk apabila pelombong menggunakan asid kuat berkepekatan pH 1 bagi mengasingkan REE daripada tanah. Adakah terdapat peruntukan undang-undang yang diselia JMG untuk mengekang hal seperti ini.

24. PR-1541-L27876

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha dan gerak kerja yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pesakit gangguan spektrum autisme (ASD) atau autism mendapat hak kebajikan dan tempat dalam masyarakat.

25. PR-1541-L27789

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah mekanisme kawalan yang sedia ada untuk memantau trend penganjur pesta atau festival makanan yang dilihat ambil kesempatan untuk menaikkan harga makanan serta mengaut keuntungan berlebihan terutama di lokasi-lokasi tumpuan di bandar.

26. PR-1541-L28419

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penggubalan rang undang-undang penahanan di rumah sebagai hukuman alternatif bagi kesalahan tertentu. Apakah Kementerian akan mengadakan rundingan dengan masyarakat sivil, orang awam dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sebelum rang undang-undang tersebut dibentangkan di Parlimen.

27. PR-1541-L27878

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan mekanisme pemantauan dan kawalan yang dilaksanakan Kementerian terhadap pelaksanaan projek-projek di bawah Program Sijil Konservasi Hutan (FCC) bagi memastikan matlamat konservasi hutan dapat dicapai.

28. PR-1541-L27711

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dengan mengambil kira hasrat Kerajaan sebagai pengurus ASEAN 2025 untuk membangkitkan kembali agensi blok yang bersifat neutraliti, apakah strategi kerajaan untuk mengemudi Presiden Trump *Zero-Sum Politics* dalam mencapai hasrat berkenaan.

29. PR-1541-L28134

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pandangan Kerajaan berhubung kenaikan harga tambang bas sekolah susulan penarikan subsidi pukal diesel sebelum ini dan apakah intervensi Kerajaan bagi meringankan beban para ibu bapa yang terpaksa menanggung kenaikan kos ini.

30. PR-1541-L28563

**Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perencanaan Kementerian untuk mempercepatkan peralihan tenaga berasaskan bahan api fosil kepada tenaga boleh baharu di Malaysia.

31. PR-1541-L28084

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah lori kontena kargo yang masuk dari Thailand ke Malaysia dan senaraikan destinasi tujuan kontena-kontena tersebut.

32. PR-1541-L27767

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bolehkah Kementerian memberi pengecualian pemeriksaan di PUSPAKOM bagi kenderaan van jenazah masjid dan surau di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri di mana kini diwajibkan menjalani pemeriksaan berkala setiap 6 bulan dan langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini untuk keselesaan komuniti surau dan masjid.

33. PR-1541-L28703

**Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai penemuan dan peningkatan yang dibuat oleh Pasukan Fokus Gender (GFT) dalam Kementerian Dalam Negeri secara terperinci dan bagaimana GFT telah menyumbang dalam mengintegrasikan perspektif gender dalam dasar, perancangan dan program-program Kementerian.

34. PR-1541-L27848

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan melalui kajian Intergrated River Basin Management (IRBM) RMKe-11 dan Kajian Total Maximum Daily Load (TMDL) RMKe-12 di Sungai Padas Beaufort, apakah hasil dapatan dalam memastikan lembangan sungai ini bermanfaat untuk dijadikan sumber air bersih dan mengurangkan risiko banjir dan seterusnya meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

35. PR-1541-L28497

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme kawal selia berhubung perkhidmatan *e-hailing* dengan jumlah pengguna dalam pasaran *e-Hailing* Malaysia dijangka mencapai 11.4 juta menjelang 2029 dengan mengambil kira penyedia perkhidmatan *e-hailing* baharu seperti syarikat mobiliti Eropah, Bolt yang melancarkan perkhidmatan di Lembah Klang baru-baru ini.

36. PR-1541-L28241

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kementerian dalam menggubal atau meminda undang-undang bagi membanteras penipuan dalam talian, termasuk memperluas kuasa polis untuk membekukan akaun suspek bagi melindungi simpanan rakyat daripada kerugian pelaburan palsu dengan mengambil contoh daripada amalan di negara lain.

37. PR-1541-L28031

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) berapa unjuran hasil tambahan Kerajaan daripada pengenalan cukai dividen sebanyak 2%; dan
- (b) adakah ia turut mengambil kira prospek jumlah kutipan yang kecil terhadap kebarangkalian pelabur-pelabur asing dan tempatan yang mungkin lebih cenderung melabur di negara-negara lain.

38. PR-1541-L27809

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan strategik Kementerian untuk mengatasi kekurangan penerbangan MAS/AirAsia yang menyebabkan kenaikan harga tambang tidak menentu, khasnya di Sarawak.

39. PR-1541-L27629

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan pemandu bas kerana beberapa faktor termasuk tidak mampu menanggung kos yang tinggi untuk mendapatkan lesen memandu kelas E.

40. PR-1541-L29184

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan Kementerian untuk menangani masalah lori terlebih muatan dan adakah Kementerian berhasrat meminda undang-undang atau peraturan agar memegang *consignor* dan *consignee* kargo yang dijumpai atas lori terlebih muatan bertanggungjawab dan dikenakan denda.

41. PR-1541-L27978

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pecahan mengikut jantina, umur, kaum dan warganegara bagi orang papa yang terdapat di Malaysia untuk tahun 2024.

42. PR-1541-L28685

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) jumlah pelajar yang mendaftar di kampus UMS Sandakan bagi kemasukan sesi 2024/2025; dan
- (b) sama ada Kementerian bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak kursus atau fakulti tambahan di kampus UMS Sandakan bagi memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang sedia ada.

43. PR-1541-L28368

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jaminan Kementerian agar pengusaha bas sekolah tidak menaikkan tambang kerana bas sekolah mendapat subsidi diesel daripada Kerajaan.

44. PR-1541-L29006

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme untuk mengawal kenaikan premium insurans dan takaful perubatan yang terlalu kerap sejak kebelakangan ini serta apakah pendekatan Kerajaan untuk memperlakhankan kenaikan kadar inflasi perubatan dalam negara.

45. PR-1541-L27819

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah strategik Kementerian bagi penyelesaian konflik kartel bagi padi dan beras, serta implikasi negatif terhadap petani industri tempatan dan bagaimana Kementerian bercadang menangani isu kartel dalam bekalan dan kawalan harga makanan di Malaysia yang hingga kini masih berleluasa.

46. PR-1541-L28783

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jaminan masa depan bagi mempercepatkan pembinaan bangunan kampus baharu bagi Politeknik Tawau Sabah yang sedang beroperasi secara berkongsi di IPG kampus Tawau sejak 2018, keperluan pendidikan TVET yang selari dengan kelebihan pantai timur dalam sektor pelancongan, laut dan pertanian serta menampung lebih kurang sejuta penduduk.

47. PR-1541-L27838

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status terkini pindaan Akta Pembangunan Mineral 1994 iaitu Akta 525 khususnya daripada sudut perundungan bagi menyokong pembangunan industri unsur nadir bumi (REE).

48. PR-1541-L28596

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai jenayah siber dan penipuan dalam talian serta langkah bersepadu yang telah dilaksanakan untuk membanteras sindiket antarabangsa yang semakin berkembang termasuk penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat.

49. PR-1541-L27745

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek kereta api HSR-KL ekoran keputusan Malaysian Resources Corporation Bhd. yang menarik diri daripada konsortium yang diketuai Berjaya Rail Sdn. Bhd. serta butiran konsortium yang telah disenarai pendek setakat ini, kaedah pembiayaan dan kajian model baharu projek berkenaan.

50. PR-1541-L28371

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pengambilalihan MASwings oleh Kerajaan Sarawak, termasuk anggaran kos keseluruhan yang terlibat dan bagaimana Kerajaan memastikan bahawa projek ini akan meningkatkan perkhidmatan pengangkutan udara di wilayah tersebut.

51. PR-1541-L29009

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan rancangan dan keperluan untuk menjadikan maklumat-maklumat dan data di Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dapat diakses kepada umum, terutamanya bagi kegunaan soalan perbahasan Parlimen.

52. PR-1541-L27759

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan langkah berjaga-jaga Kerajaan untuk menjaga keselamatan Sabah serta membendung daripada ancaman yang mungkin tercetus akibat tuntutan negara-negara jiran yang kini lebih lantang bersuara menuntut Sabah memandangkan majoriti rakyat Sabah kini terdiri daripada warga asing yang diberi kerakyatan tidak mengikut undang-undang.

53. PR-1541-L27944

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Sistem Pengawasan Maritim (Laut) (SWASLA) dalam pemantauan berterusan di sepanjang perairan negara bagi membendung Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang didapati menyeludup masuk ke negara ini melalui laluan laut dan bagi mengekang pencerobohan bot nelayan asing.

54. PR-1541-L28681

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengenakan cukai tenaga ke atas industri perlombongan arang batu konvensional bagi memastikan Kementerian mencapai sasaran Tenaga Boleh Diperbaharui (RE).

55. PR-1541-L28812

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian dalam isu kolej kediaman Universiti Utara Malaysia yang melarang pelajar-pelajar berlainan jantina "bermesraan dan berdua-duaan".

56. PR-1541-L27665

**Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :

- (a) status terkini Projek Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau yang mengalami keruntuhan tebing tempoh hari; dan
- (b) pelan kontigensi bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk keperluan pengguna bagi menghadapi kemarau seperti yang dijangka Jabatan Meteorologi tahun ini.

57. PR-1541-L28869

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menetapkan insentif, bonus dan komisyen kepada pegawai dan adakah ianya dikaitkan dengan jumlah hasil kutipan serta apakah jurang perbezaan kutipan antara hasil siasatan audit luar dan cukai sebenar yang kena dibayar.

58. PR-1541-L28451

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini permohonan kelulusan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan apakah faktor ianya lewat diluluskan oleh pihak Kementerian.

59. PR-1541-L28332

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa berlakunya kematian banduan di dalam penjara didapati semakin kerap berlaku dan apakah langkah Kerajaan dalam menangani isu ini serta berapa ramaikah banduan yang mati dalam penjara dan lokap sepanjang tempoh 2020-2024.

60. PR-1541-L28994

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang inisiatif atau program untuk membantu golongan B40 di kawasan luar bandar dalam mendapatkan lesen memandu kereta dan lori pada kadar diskaun dan lebih rendah dan apakah syarat-syarat kelayakan dan bagaimana program ini dilaksanakan.

61. PR-1541-L28217

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) nisbah pengguna pengangkutan rel wanita berbanding lelaki pada waktu puncak; dan
- (b) sama ada jumlah koc biasa adalah mencukupi berdasarkan nisbah tersebut bagi memastikan tiada keperluan pengguna lelaki terpaksa menggunakan koc wanita pada waktu puncak.

62. PR-1541-L28293

**Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Malaysia terhadap visi kepimpinan pakatan BRICS bagi tahun 2025 yang diketuai oleh Brazil untuk memberikan impak positif kepada global dengan mencabar forum ekonomi tradisional dan menawarkan visi pembangunan global yang bersifat inklusif serta berasaskan kemakmuran bersama.

63. PR-1541-L28881

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai-cukai baharu yang diperkenalkan pada tahun lalu seperti Cukai Barang Bernilai Rendah (LVG), Cukai Perkhidmatan Digital (DST) serta Cukai Keuntungan Modal (CGT). Adakah Kerajaan akan perkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

64. PR-1541-L27889

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kementerian bagi menyokong autonomi Kerajaan negeri untuk menguruskan industri REE dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran seperti pelaburan, teknologi dan tekanan geopolitik.

65. PR-1541-L28107

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi tuntutan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 112C, Jadual 10, bahagian 4 iaitu:

- (a) pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak; dan
- (b) dalam hal Sabah, pemberian yang amanannya 2/5 daripada amanah hasil bersih yang didapati Persekutuan dari Sabah.

66. PR-1541-L28313

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan masa ke arah pembentangan RUU Perolehan Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan mekanisme perolehan yang menepati piawaian antarabangsa selain menutup lubuk kes-kes rasuah dalam negara.

67. PR-1541-L28207

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan terkini kerjasama strategik antara Malaysia dan Singapura terutamanya berkaitan isu persempadanan maritim:

- (a) langkah konkret yang diambil bagi menyelesaikan pertindihan tuntutan wilayah maritim secara adil; dan
- (b) bagaimana Malaysia memastikan perlindungan kedaulatan dan sumber asli maritimnya.

68. PR-1541-L28953

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan komitmen dan perancangan di pihak Kerajaan bagi mendukung segala agenda dan usaha yang digariskan oleh Pertubuhan Lapan Negara Membangun (D-8).

69. PR-1541-L27863

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan penjelasan berkenaan pelantikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebagai Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang bertentangan dengan Garis Panduan Tatakelola yang melarang penjawat awam memegang jawatan pengerusi dalam badan berkanun.

70. PR-1541-L29051

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan setakat ini, berapa jumlah tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan di Sabah yang tidak dibangunkan dan daripada jumlah tersebut, berapa yang telah dikembalikan semula kepada Kerajaan negeri dan apakah perancangan pembangunan ke atas tanah tersebut.

71. PR-1541-L29002

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan berhubung kandungan Independent Advice Circular pada 20 Disember 2024 yang mendedahkan bahawa 5 orang Ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak bersetuju dengan penjualan saham MAHB dan mengesyorkan untuk menolak tawaran pembelian saham berkenaan.

72. PR-1541-L29136

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kuasa anggota polis berpangkat inspektor ke atas untuk memeriksa telefon bimbit orang awam, terutamanya dalam konteks sekatan jalan raya atau pemeriksaan secara rawak. Bagaimana Kerajaan memastikan hak individu tidak dilanggar serta mencegah penyalahgunaan kuasa oleh polis dalam perkara ini.

73. PR-1541-L28047

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pertimbangan utama Kerajaan melantik bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebagai penasihat tidak rasmi Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan bagaimana peranan beliau dalam memperkuuh kerjasama dan meningkatkan ekonomi serantau.

74. PR-1541-L27898

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa KWSP telah menjual pegangan saham dalam MAHB pada tahun 2023 pada harga RM5.40 - RM7.36 seunit dan kemudiannya membeli semula pada harga RM11.00 seunit, serta nyatakan jumlah kerugian keseluruhan yang ditanggung oleh dana persaraan rakyat akibat transaksi ini.

75. PR-1541-L28057

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan respon Kementerian berhubung Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2023 yang mendapati hampir 40 peratus graduan ijazah pertama menerima gaji permulaan di bawah RM2,000 sebulan dan sejauh manakah strategi Kementerian bagi memastikan graduan ini menerima gaji permulaan yang setimpal dengan kelayakan sepatutnya.

76. PR-1541-L28299

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan maut yang melibatkan jalan persekutuan dan lebuh raya disebabkan masalah teknikal kenderaan dan apakah tindakan Kementerian agar insiden ini tidak berlaku lagi.

77. PR-1541-L27647

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah strategik rentas Kementerian dalam menggalakkan lagi penggunaan tenaga bersih seperti solar, angin dan hidroelektri bagi mengurangkan kebergantungan bahan bakar fosil dan meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui.

78. PR-1541-L29161

**Dato Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada Kerajaan Sarawak serta jarak dan kategori jalan yang diselenggarakan menggunakan peruntukan MARRIS sejak tahun 2020 sehingga tahun 2025. Nyatakan sama ada peruntukan MARRIS dapat diguna untuk memperbaiki bekas jalan balak di pedalaman Sarawak khususnya di Baram.

79. PR-1541-L28259

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan inisiatif perundangan yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah gangguan haiwan seperti kera yang merosakkan hasil pertanian yang diusahakan oleh para petani.

80. PR-1541-L28964

**Dato' Seri Amirudin bin Shari [ Gombak ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir di negeri Selangor. Apakah faktor yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan dan bagaimana Kerajaan negeri dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan supaya proses pelaksanaan dapat dioptimumkan.

81. PR-1541-L27688

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah status terkini bagi cadangan pembinaan 2 pos sempadan di Bantul dan Serudung, Sabah; dan
- (b) adakah para anggota penguatkuasa yang ditugaskan untuk menjaga sempadan negeri Sabah sudah dilengkapkan dengan peranti berteknologi khususnya dron seperti yang dinyatakan dalam ucapan Belanjawan 2025.

82. PR-1541-L27695

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status cadangan bagi memperkasakan Institusi TVET di Sabah dengan pewujudan Universiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam mengatasi masalah pengangguran di Sabah.

83. PR-1541-L28829

**Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing sehingga menjelaskan pendapatan nelayan tempatan.

84. PR-1541-L29085

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos termasuk kos pengambilan tanah, skop dan jadual kerja setiap stesen LRT Pulau Pinang dan kos operasi dan agensi mana yang akan menjalankan operasi serta peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila ia beroperasi pada 2031.

85. PR-1541-L29068

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah impak yang dijangka daripada pelaksanaan semula dasar kabotaj ke atas kos logistik di Sarawak dan statistik terkini jumlah syarikat perkапalan tempatan yang aktif di Sarawak selepas dasar ini diperkenalkan semula berbanding pengecualianya sejak 1 Jun 2017.

86. PR-1541-L27605

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah kuarters baru untuk anggota-anggota polis di Balai Polis Jelutong di Pulau Pinang dijangka dibina dan sedia untuk dihuni.

87. PR-1541-L28973

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah segera dan jangka panjang Kementerian untuk menangani isu banjir di Rantau Panjang, termasuk perancangan pembinaan infrastruktur tahan banjir.

88. PR-1541-L27834

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk memperluas penggunaan kamera badan kepada agensi penguatkuasaan termasuk anggota Jabatan Imigresen di pintu masuk utama negara; dan
- (b) berapa unit kamera badan yang telah dipasang dalam kalangan anggota penguatkuasa setakat ini berserta jumlah keseluruhan kos yang terlibat.

89. PR-1541-L28022

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pembinaan Balai Polis Sungai Rambai, Jasin yang baru bagi menggantikan yang telah dirobohkan sebelum ini.

90. PR-1541-L28326

**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas keputusan Kerajaan dalam membenarkan pihak asing memiliki kepentingan signifikan dalam aset strategik negara seperti lapangan terbang, pelabuhan, atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) tanpa menjelaskan kepentingan rakyat dan ekonomi negara.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.””

**Menyambung semula perbahasan atas masalah ( 13 Februari 2025 )**

2. ( D.R.62/2024 )      Rang Undang-Undang BERNAMA (Pindaan)      **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Komunikasi ]**

3. ( D.R.63/2024 )      Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia      “

**[ Menteri Komunikasi ]**

4. ( D.R.19/2024 )      Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024.      “

**[ Perdana Menteri ]**

5. ( D.R.47/2024 )      Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” ( 10 Disember 2024 )**

**[ Menteri Komunikasi ]**

## 6. PR-1541-U(27)369

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk merangka dan membentangkan sebuah perancangan jangka masa panjang untuk 30 tahun ke hadapan dalam mencorak masa depan dan hala tuju negara di mana setiap Rancangan Malaysia 10 tahun, lima tahun dan belanjawan negara akan diselaraskan berpandukan perancangan tersebut.

Walaupun terdapat dasar sedia ada, tetapi perancangan ini tidak cukup kukuh untuk merancang secara holistik dan menyelesaikan '*complexity*' kerana tempoh adalah singkat dan sederhana. Kerajaan boleh mencontohi negara serantau dengan menyelaraskan rancangan 5 tahun dengan strategi jangka panjang, di mana setiap pelan dan dasar harus selari dengan visi jangka panjang.

Penjajaran strategik ini akan meningkatkan daya tahan negara dan meletakkan Malaysia sebagai pemain berdaya saing di peringkat global. Setiap RMK seharusnya berfungsi sebagai batu loncatan untuk mencapai wawasan keseluruhan, membolehkan peruntukan sumber yang lebih berkesan dan responsif kepada cabaran yang muncul."

**[ Menteri Ekonomi ]**

## 7. PR-1541-U(27)370

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai Kementerian untuk mengkaji mekanisme memastikan kemampunan sistem penjagaan kesihatan dalam negara.

Perkhidmatan kesihatan awam, yang sudah mengalami tekanan seperti peningkatan permintaan, had kewangan dan ketidaksamaan dalam akses kepada penjagaan. Jawatankuasa khas merentas Kementerian berperanan menangani kebimbangan ini dan meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif dan inklusif.

Dengan mengutamakan kemampunan penjagaan kesihatan, kita boleh memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti kekal dapat diakses oleh semua rakyat, tanpa mengira status kewangan mereka, di samping mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan."

**[ Menteri Kesihatan ]**

8. PR-1541-U(27)371

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mengorientasikan semula dasar penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memupuk inovasi yang lebih besar dalam syarikat dengan meningkatkan kerjasama dengan universiti.

Dengan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara penyelidikan akademik dan industri, matlamatnya adalah untuk memacu lebih banyak inovasi yang dikomersialkan yang boleh bersaing di peringkat global.

Pada masa yang sama, Kerajaan perlu meningkatkan fungsi institusi penyelidikan Kerajaan dengan memudahkan pemindahan teknologi global dan membantu syarikat tempatan memanfaatkan teknologi termaju.

Dengan menyediakan akses kepada sumber teknologi sedia ada, Kerajaan membolehkan syarikat memanfaatkan inovasi ini untuk pembangunan produk dan pertumbuhan perniagaan, akhirnya meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia dalam pasaran global."

**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

9. PR-1541-U(27)372

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih strategi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat mengenai penyelenggaraan kenderaan dan keselamatan muatan, meningkatkan pemeriksaan, dan mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran peraturan jalan raya.

Statistik menunjukkan 825 kenderaan berat terlibat dalam kemalangan maut dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, menyumbang kepada sebahagian besar daripada 17,905 kemalangan maut.

Latihan tetap untuk pemandu kenderaan berat, ditambah dengan keperluan pelesenan yang dipertingkatkan, akan memastikan amalan keselamatan jalan raya yang lebih baik. Pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi jalan raya, seperti sistem keselamatan dalam trak, juga penting untuk meminimumkan risiko. Kempen kesedaran awam dan pengumpulan data yang lebih baik boleh menyasarkan lagi tempoh berisiko tinggi, seperti musim perayaan, untuk mencegah kemalangan dan meningkatkan keselamatan jalan raya secara keseluruhan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

10. PR-1541-U(27)384

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

11. PR-1541-U(27)385

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan target ‘Dera Sifar’ menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkuuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

12. PR-1541-U(27)386

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna maupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* maupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

13. PR-1541-U(27)387

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

14. PR-1541-U(27)388

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan.

Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1541-U(27)389

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Ekonomi ]**

16. PR-1541-U(27)390

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

17. PR-1541-U(27)391

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Komunikasi ]**

18. PR-1541-U(27)392

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan

kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya '*Free Flow*' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

19. PR-1541-U(27)393

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanyakekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakannya tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

#### [ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]

20. PR-1541-U(27)394

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

21. PR-1541-U(27)395

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kewangan ]**

22. PR-1541-U(27)396

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1541-U(27)397

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 nautica miles dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (sekitar 1000 nautica miles).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan dash yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permahan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya di mana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia seperti mana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertahanan ]**

24. PR-1541-U(27)398

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai, dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1541-U(27)399

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Didapati bahawa jalan sempadan Malaysia – Indonesia ini akan meningkatkan kebolehcapaian antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong, serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingatkan, dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama, memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia – Indonesia juga berpotensi memperkuatkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

#### [ Perdana Menteri ]

26. PR-1541-U(27)376

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperbaharui dasar insentif kenderaan diesel komersial menerusi penetapan piawaian Euro 5 sebagai keperluan minimum menjelang tahun 2026 bagi menggalakkan peralihan yang lebih pantas terhadap penggunaan teknologi rendah emisi dan secara tidak langsung menyumbang sebagai penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara.

Pada ketika ini, negara-negara jiran telah mula mengorak langkah lebih ke hadapan seperti Singapura yang telah lama beralih kepada penggunaan Euro 6 dan Thailand yang menerapkan Euro 5 sebagai piawaian minimum sedangkan Malaysia hanya melaksanakan piawaian Euro 4 mulai Januari 2025 dengan pemberian insentif 50 peratus kepada semua kenderaan yang memenuhi piawaian tersebut.

Ketinggalan ini ternyata menjaskan daya saing Malaysia di peringkat serantau di samping meningkatkan risiko kesihatan sejagat akibat pelepasan nitrogen oksida dan zarah halus.

Kerajaan wajar mempercepatkan peralihan ini bagi memastikan pengurangan pelepasan bahan pencemar selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007. Penguatkuasaan yang ketat dan sokongan infrastruktur yang lebih baik menerusi kerjasama rapat Kerajaan bersama pemain industri perlu disinergikan untuk memastikan peralihan ini kelak berjalan lancar."

#### [ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]

27. PR-1541-U(27)377

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera mengkaji semula kadar pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan yang kini masih berjumlah RM9,000 dan tidak pernah disemak sejak tahun 2010.

Setelah 15 tahun berlalu, inflasi telah meningkat dengan ketara dan amaun tersebut tidak lagi realistik jika dibandingkan kos sara hidup pada hari ini. Atas pertimbangan tersebut, Kerajaan wajar menaikkan amaun pelepasan diri dan tanggungan ke RM12,000 yang bersamaan dengan RM1,000 setiap bulan, bagi menggambarkan senario serta realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia pada hari ini.

Malah dengan peningkatan amaun pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan ini secara tidak langsung akan membantu golongan B40 dan M40 yang amat terkesan dengan inflasi dan seterusnya mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat."

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1541-U(27)378

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memartabatkan pengamalan Rukun Negara dalam menjadi tonggak identiti, perpaduan dan keutuhan rakyat Malaysia.

Mutakhir ini, negara disajikan dengan berita dan laporan mengenai kes- kes penyebaran ucapan kebencian, penghinaan dan provokasi yang berbaur perkauman, ketegangan kaum, penipuan dan penegasan unsur- unsur subversif yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di Malaysia menerusi pengguna di platform media sosial.

Media sosial hari ini juga kian dipenuhi dengan lambakan sikap ketidaksopanan dan kebiadaban dalam perbincangan sehingga menjadi seperti satu kelaziman untuk para pengguna media sosial menggunakan bahasa kasar, lucah malah menyerang peribadi antara satu sama lain sehingga mengabaikan nilai kesopanan.

Hal ini mencerminkan kelemahan penghayatan nilai serta elemen Rukun Negara itu sendiri dalam kalangan rakyat Malaysia dan justeru itu, menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mewujudkan sebuah mekanisme yang lebih berkesan dalam menyuburkan pembudayaan setiap prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara sebagai penawar bagi menangani gejala kebejatan akhlak sebegini di platform media sosial. "

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

29. PR-1541-U(27)379

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula cukai korporat Malaysia yang sehingga kini adalah antara yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 24 peratus berbanding negara-negara jiran lain seperti, Singapura (17 peratus), Brunei (18.5 peratus), Cambodia (20 peratus), Vietnam (20 peratus), Thailand (20 peratus), dan Indonesia sekitar 21 peratus.

Perbandingan ini semakin jelas jika dilihat dengan situasi kadar cukai Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2016, cukai korporat mereka adalah sekitar 35 peratus, namun kini cukai korporat mereka telah turun sehingga 21 peratus manakala Malaysia kekal pada kadar sama iaitu 24 peratus sehingga sekarang.

Kadar cukai korporat yang tinggi ini ternyata melemahkan daya saing Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara jiran bagi menarik tumpuan pelabur untuk melabur di sini.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu merangka satu kajian yang lebih komprehensif bagi menurunkan kadar cukai korporat ini agar setanding dengan kadar serantau untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif serta berdaya maju dalam meraih tumpuan pelabur antarabangsa yang akhirnya akan menguntungkan negara, peniaga dan rakyat jelata. "

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1541-U(27)380

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan kenaikan caj perubatan di hospital dan klinik swasta yang semakin mendapat perhatian di kebanyakan negara termasuk di Malaysia segera ditangani dengan baik oleh Kerajaan memandangkan implikasinya yang besar kepada para pesakit serta sistem kesihatan negara secara keseluruhannya.

Pelbagai faktor mendorong kepada isu ini dengan antaranya ialah kadar caj konsultasi doktor (GP) swasta yang dikawal oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (PHFSA) 1998 tidak pernah mengalami sebarang perubahan selama lebih 32 tahun dan menyebabkan pihak terbabit terpaksa menaikkan caj kos operasi yang semakin meningkat, termasuk sewa premis, kos utiliti, peralatan perubatan serta perbelanjaan berkaitan teknologi dan sumber manusia telah meletakkan tekanan besar ke atas klinik swasta.

Situasi tersebut juga diburukkan lagi oleh isu berkaitan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) yang menguruskan pembayaran bagi pesakit yang mempunyai insurans kesihatan yang turut mengalami kenaikan.

Oleh yang demikian, Kerajaan digesa untuk meminda Akta Perkhidmatan Hospital Swasta bagi menetapkan kadar maksimum bagi caj rawatan selain konsultasi doktor, seperti caj penginapan dan penggunaan alat perubatan selain memperkenalkan sistem tiering seperti penarafan hotel bagi membezakan hospital berdasarkan tahap perkhidmatan, membolehkan syarikat insurans menawarkan pelbagai pakej berdasarkan akses kepada hospital tertentu, sesuai dengan kemampuan pelanggan serta mempergiat inisiatif di bawah kerjasama awam dan swasta bagi menyediakan rawatan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah. "

#### **[ Menteri Kesihatan ]**

31. PR-1541-U(27)381

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menjual hampir 10 peratus kepentingan saham ketika harga rendah selepas Disember 2022, sedangkan KWSP telah lama merancang untuk menambah lebih banyak saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk menswastakannya.

Pada 29 November 2022, KWSP telah memiliki 259,917,492 saham iaitu sekitar 15.67 peratus di dalam MAHB dan dalam tempoh satu tahun, KWSP telah menjual 163,363,080 saham, atau hampir 10 peratus kepentingan pada harga sekitar RM6.74 hingga RM7.70 sesaham. Manakala pada 28 Disember 2023 pula, akhirnya KWSP hanya memiliki 96,554,412 saham atau 5.79 peratus sahaja.

Penjualan sebegini besar dalam tempoh singkat tidak pernah berlaku sebelum ini dan ini menimbulkan persoalan mengapa saham tersebut dijual pada harga rendah tetapi dibeli semula pada harga RM11.00 dengan implikasinya ialah KWSP akan terpaksa membayar tambahan sebanyak RM539 juta sehingga RM696 juta bagi membeli balik saham tersebut.

Justeru itu, Kerajaan digesa untuk mempertimbang dan mengkaji semula keputusan ini dengan lebih berhati-hati memandangkan perkara ini telah menimbulkan keresahan awam kerana membabitkan dana 16.1 juta rakyat Malaysia yang merupakan pencarum KWSP. "

#### **[ Menteri Kewangan ]**

32. PR-1541-U(27)382

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan Value Added Tax (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 170 negara.

Kerajaan boleh menstrukturkan semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barang dan perkhidmatan dengan sesetengah barang boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

**[ Menteri Kewangan ]**

33. PR-1541-U(27)383

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menimbalkan pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai jualan tahunan di bawah RM500,000 berbanding ketetapan semasa Kerajaan iaitu pengecualian untuk peniaga yang mencatatkan jualan tahunan bawah RM150,000 menjelang pelaksanaan menyeluruh e-Invois bermula 1 Julai 2025.

Pelaksanaan e-Invois ini ternyata telah mewujudkan keimbangan dalam kalangan para pemain PMKS yang terpaksa menghadapikekangan kos berikutan perbelanjaan yang tinggi bagi menyediakan sistem pengeluaran serta penyelenggaraan e-Invois di samping risiko margin keuntungan yang rendah.

Peningkatan siling pengecualian e-Invois kepada RM500,000 adalah lebih relevan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan ketika melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini dan sekaligus mengurangkan beban lebih banyak segmen pemain PMKS seperti pengusaha yang berniaga dari rumah, ibu tunggal dan peniaga luar bandar yang terpaksa menanggung bebanan implikasi kos yang tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan disaran untuk mempertimbangkan syor peningkatan pengecualian kepada RM500,000 ini bagi mengurangkan keresahan pemain PMKS dengan pelaksanaan e-Invois yang sebenarnya boleh dielakkan sekiranya Kerajaan memperkenalkan semula GST. "

#### [ Menteri Kewangan ]

34. PR-1541-U(27)373

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan kajian secara holistik dan komprehensif bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti serta mampu bertahan dalam keadaan perubahan cuaca ekstrem di Malaysia.

Kebelakangan ini perubahan iklim yang ketara telah menjelaskan hasil pengeluaran padi tempatan sebanyak 83,408 tan metrik bersamaan 5.84 juta 10 kilogram pek beras disebabkan oleh musim tengkujuh dan banjir. Penjadualan penanaman padi amat terdedah dengan bencana banjir di musim tengkujuh pada hujung tahun manakala musim penanaman semula padi pada awal tahun pula berisiko diancam keadaan cuaca panas melampau yang perlu diatasi dengan kadar segera.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan efisien dalam menangani isu ini yang bukan sahaja bagi mempercepatkan pengagihan benih padi kepada pesawah supaya jadual penanaman padi tidak terganggu, malah pihak Kerajaan juga perlu membuat kajian yang teliti bagi menghasilkan benih padi yang lebih berdaya tahan dengan perubahan iklim di Malaysia."

#### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

35. PR-1541-U(27)375

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian semula terhadap kajian bagi persediaan serta perancangan pelan pembangunan pendidikan jangka panjang bagi negara.

Mutakhir ini, kita telah dikhaskan pelbagai peristiwa yang menimbulkan kegusaran masyarakat terhadap ketandusan pembangunan modal insan negara ini terutamanya terhadap generasi baharu yang merupakan generasi yang bakal memimpin dan mentadbir negara tercinta satu hari nanti.

Situasi ini diburukkan lagi dengan statistik kegagalan para pelajar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun mencapai angka yang membimbangkan sehingga mencetuskan kebimbangan. Sejauh mana keseriusan generasi muda ini menilai kepentingan mendapatkan pendidikan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam keadaan negara serantau yang kian pesat membangun, kesediaan dalam melahirkan modal insan menjadi sangat kritikal terutamanya bagi melahirkan generasi yang mampu berdaya saing dan mendepani cabaran serta persaingan dengan negara-negara serantau.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan berstrategi menerusi pembangunan semula pelan pembangunan pendidikan yang lebih efisien bagi memastikan negara kita mampu untuk melahirkan pakej modal insan yang lengkap dan mampu berdaya saing."

### [ Menteri Pendidikan ]

36. PR-1541-U(27)374

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan demi kepentingan kesejahteraan rakyat serta kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Situasi semasa menunjukkan KKM sangat terbeban dengan belanja mengurus yang sangat tinggi iaitu sehingga 85.07% atau RM38 bilion daripada bajet keseluruhan KKM dan hanya 14.9% yang diperuntukkan untuk bajet pembangunan maka keadaan ini sangat tidak sihat untuk kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Kelemahan, ketidakmampuan dan kegagalan KKM terlihat jelas dengan segala masalah-masalah yang sentiasa menjadi rungutan rakyat dan juga sering diangkat oleh ramai Ahli-ahli Parlimen - seperti kekurangan jururawat, kekurangan doktor dan doktor pakar serta masalah doktor kontrak, Kekurangan ambulans, ketiadaan ubat, alat-alat perubatan terlalu lama, klinik-klinik daif, hospital yang berumur lebih 50 tahun, hospital yang sesak, tiada sistem komputer, pesakit terpaksa menunggu terlalu lama.

Ketahuilah permasalahan dan segala kelemahan KKM ini sebenarnya adalah manifestasi dari kekangan fiskal KKM itu sendiri. Keupayaan KKM dengan 14.9% bajet untuk Pembangunan adalah sangat-sangat terbatas dan ini boleh menyebabkan kualiti dan mutu perkhidmatan KKM terjejas dan terus dipersoalkan rakyat.

Dengan situasi begini adalah diharapkan penyelesaian segera dan menyeluruh dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan."

**[ Menteri Kesihatan ]**

37. PR-1541-U(27)400

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan selepas penubuhan Kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun. Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat Keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97(1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara langsung."

**[ Perdana Menteri ]**

38. PR-1541-U(27)401

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurang lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat Kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehingga penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad benci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian, Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi beranak pinak di Sabah sehingga Kerajaan dapat mengambil Tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

39. PR-1541-U(27)402

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada Persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga Kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

#### **[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

40. PR-1541-U(27)403

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkatkan keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

#### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

41. PR-1541-U(27)404

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam Dewan Rakyat pada 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sabah pada 3 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya Syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudahkan segala urusan dan menjimatkan kos."

**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

42. PR-1541-U(27)405

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat Sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuk menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran menyusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)	1. Isu Keselamatan Jalan Raya di Jalan Bukit Tangga, FT86 Jalan Seremban - Jelebu 2. Isu Pembinaan Kompleks Sukan Daerah Jelebu	1. YB Menteri Kerja Raya 2. YB Menteri Belia dan Sukan
YB Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir (Setiu)	1. Fasiliti Padang Hoki di Terengganu 2. Keperluan Pembinaan PPS Kekal di Setiu untuk Mangsa Banjir	1. YB Menteri Belia dan Sukan 2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**